AYAM PEDAGING

AYAM KAMPUNG

AYAM PENELUR

PLANMalaysia@Kedah
(Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Kedah)

GARIS PANDUAN PERANCANGAN
LADANG TERNAKAN UNGGAS
NEGERI KEDAH
2022

Cetakan Pertama 2022
© Hakcipta
PLANMalaysia@Kedah
(Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Negeri Kedah)

Hakcipta Terpelihara

Mana-mana bahagian dalam laporan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk cara, sama ada dengan cara elektronik, gambar rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit terlebih dahulu.

ISBN 978-967-17962-4-5

9 7 8 9 6 7 1 7 9 6 2 4 5

GARIS PANDUAN PERANCANGAN
LADANG TERNAKAN UNGGAS NEGERI KEDAH

Diterbitkan di Malaysia oleh

PLANMalaysia@Kedah
(Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Kedah)
Aras 10 & 11, Bangunan Sultan Abdul Halim
Jalan Sultan Badlishah,
05646 Alor Setar
KEDAH DARUL AMAN
Tel : 04-733 1077 / 04-733 2282
Faks : 04-733 2286
http://planmalaysiakedah.kedah.gov.my

Pemberitahuan

Garis Panduan ini telah diangkat dan dipersetujui oleh Jawatankuasa Perancang Negeri Kedah Darul Aman pada 29 Ogos 2022 mengikut Kertas No. JPN 3 / 2022 (5.1.1) untuk digunapakai di seluruh Negeri Kedah.

Garis Panduan ini tidak mengatasi mana-mana garis panduan lain. Pelaksanaan dan penguatkuasaan kepada garis panduan yang terkandung di dalam garis panduan ini perlu diselaraskan dengan rancangan pemajuan yang sedang berkuatkuasa di sesuatu kawasan Pihak Berkuasa Tempatan.

SENARAI KANDUNGAN

1.0	**PENDAHULUAN**		**01**
	1.1	Keperluan Garis Panduan Perancangan Ladang Ternakan Unggas Negeri Kedah	01
	1.2	Latar Belakang Industri Ternakan Unggas	02
	1.3	Kepentingan Garis Panduan Perancangan Ladang Ternakan Unggas Negeri Kedah	02
	1.4	Skop Garis Panduan Perancangan	03
	1.5	Asas Pertimbangan	04
2.0	**SISTEM PERLADANGAN UNGGAS**		**05**
	2.1	Definisi	05
	2.2	Ekosistem Ladang Unggas (Ayam Pedaging)	06
	2.3	Sistem Reban Ayam (Pedaging)	07
		2.3.1 Reban Tertutup	07
		2.3.2 Reban Terbuka	09
3.0	**PRINSIP – PRINSIP PERANCANGAN**		**10**
4.0	**PERNYATAAN GARIS PANDUAN PERANCANGAN**		**11**
	4.1	**Perancangan Tapak**	12
		T1 Kriteria Lokasi	12
		T2 Zon Guna Tanah Rancangan Pemajuan	12
		T3 Zon Penampan	13
		T4 Fizikal Tapak	14
		T5 Topografi	14
		T6 Sistem Saliran dan Perparitan	14
		T7 Akses / Jalan Masuk	15
		T8 Keperluan Maklumat Struktur Tanah dan Batuan	16
		T9 Infrastruktur dan Utiliti	16
		T10 Susun Atur Ladang (Ayam) dan Anjakan Bangunan	19
	4.2	**Perundangan dan Peraturan**	21
		U1 Tafsiran Aktiviti Pemajuan Ladang Ternakan Unggas	21
		U2 Kegunaan Tanah dan Syarat Nyata	21
		U3 Penetapan Skala Ladang	21
		U4 Kebenaran Merancang	22
		U5 Dokumentasi Permohonan Kebenaran Merancang dan Jabatan Teknikal Yang Dirujuk	23
		U6 Pengecualian Syarat dan Kehendak Perancangan Lazim	24
		U7 Kadar Fi Kebenaran Merancang	24

	U8	Peralihan Kepada Sistem Reban Tertutup (Ternakan Ayam Pedaging)	24
	U9	Jadual Kelas Guna Tanah	24
4.3	**Sosial dan Persekitaran**		25
	S1	Pematuhan Enakmen, Peraturan dan Garis Panduan Penternakan	25
	S2	Kelestarian Alam Sekitar	25
	S3	Tanggungjawab Sosial	26

SENARAI LAMPIRAN :

Lampiran A1 :	Lukisan Skematik Tatatur Ladang	27
Lampiran A2 :	Carta Alir Prosedur Permohonan Kebenaran Merancang Ladang Ternakan Unggas (Permohonan Baharu)	28
Lampiran A3 :	Senarai Semak Dokumentasi Permohonan Kebenaran Merancang Ladang Ternakan Unggas Negeri Kedah	29

SENARAI KANDUNGAN

PEMAKLUMAN

Garis Panduan Perancangan ini hendaklah dibaca bersama dengan peruntukan undang – undang, peraturan – peraturan, dan garis panduan penternakan sedia ada, khususnya :-

- Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 (Akta 172);
- Enakmen Perladangan Unggas (Kedah Darul Aman), 2005;
- Peraturan – Peraturan Perladangan Unggas (Kedah Darul Aman), 2008;
- Garis Panduan Pelaksanaan Amalan Penternakan Baik Bagi Pensijilan Skim Amalan Ladang Ternakan (SALT);
- Garis Panduan Pengurusan Sisa Buangan Ternakan Ayam;
- Panduan Penternakan Ayam Pedaging;
- Garis Panduan MyGAP (Sektor Ternakan).

PEMAKAIAN GARIS PANDUAN

- Garis Panduan ini terpakai bagi **semua kawasan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kedah** bagi maksud memproses permohonan pemajuan ladang ternakan unggas (khususnya ayam);
- Garis Panduan ini hanya merujuk kepada **aktiviti penternakan dan perladangan** unggas sahaja tanpa melibatkan aktiviti – aktiviti lain, termasuk pemprosesan atau penyembelihan unggas;
- Garis Panduan Perancangan ini tidak diguna pakai ke atas pemajuan ladang ternakan yang mengandungi aktiviti selain yang tersebut di atas, dan ia tertakluk kepada garis panduan perancangan aktiviti pemajuan lazim; dan
- Garis Panduan ini diguna pakai bagi maksud proses kelulusan **Kebenaran Merancang (KM), dan kelulusan Pelan Bangunan sahaja.**

Dindings Poultry Farms, Segari, Lumut, Perak

01 VISI

PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN INDUSTRI TERNAKAN UNGGAS NEGERI KEDAH

"Memperkasa industri ternakan unggas Negeri Kedah ke arah yang lebih mampan dan lestari melalui ekosistem perladangan baik bagi maksud untuk meningkatkan produktiviti hasil ternakan secara mampan dan berharmoni dengan komuniti dan persekitaran".

02 STRATEGI + TINDAKAN

PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN INDUSTRI TERNAKAN UNGGAS NEGERI KEDAH

"Memberi galakan dan inisiatif khusus kepada penternak – penternak untuk migrasi kepada kaedah penternakan sistem tertutup sepenuhnya melalui pematuhan kepada amalan perladangan baik ke arah mewujudkan ekosistem pembangunan industri ternakan unggas yang lebih berkekalan, mampan dan lestari sebagai jaminan bekalan makanan negeri"

03 MATLAMAT

GARIS PANDUAN PERANCANGAN LADANG TERNAKAN UNGGAS NEGERI KEDAH

"Menyediakan satu dokumen Garis Panduan Perancangan Ladang Ternakan Unggas Negeri Kedah yang praktikal sebagai mekanisme pemudahcara ke arah memperkasa ekosistem industri tersebut agar lebih berdaya maju sebagai jaminan rantaian bekalan makanan negeri khususnya dan negara amnya"

DEFINISI GARIS PANDUAN

GARIS PANDUAN

Merujuk kepada *"Kenyataan Bertulis yang mengandungi panduan sebagai rujukan dalam memajukan pembangunan. Ianya boleh digunakan oleh Pihak Berkuasa Perancangan Tempatan (PBPT) dalam mengawal setiap pembangunan agar bersifat seragam, selesa dan selamat dalam aktiviti guna tanah. Setiap pemajuan oleh sesiapapun, perlu mengikuti garis panduan yang telah ditetapkan"*

PLAN MALAYSIA

DEFINISI UNGGAS

UNGGAS

"Unggas termasuk ayam, itik, angsa, ayam belanda, ayam mutiara, puyuh, merpati, burung unta dan burung emu daripada apa-apa jantina, umur, baka, generasi termasuk juga telur atau kacukannya dan burung – burung lain yang boleh ditentukan oleh Pengarah melalui perintah yang disiarkan dalam Warta"

Seksyen 2, Enakmen Perladangan Unggas Kedah Darul Aman (2005)

TAFSIRAN TERNAKAN UNGGAS

TAFSIRAN PEMAJUAN PERLADANGAN UNGGAS NEGERI KEDAH

Garis Panduan Perancangan Ladang Ternakan Unggas Negeri Kedah mentafsirkan pemajuan ladang ternakan unggas termasuk segala aktiviti yang berkaitan dengan perladangan unggas dikategorikan sebagai **aktiviti pertanian dan penternakan** dan **tertakluk kepada Kebenaran Merancang** selaras dengan **Seksyen 19, Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1974 (Akta 172)** yang menyatakan *"Tiada seorang pun, selain Pihak Berkuasa Tempatan, boleh memulakan, mengusahakan, atau menjalankan apa-apa pemajuan melainkan jika Kebenaran Merancang berkenaan dengan pemajuan itu telah diberikan kepadanya di bawah seksyen 22 atau dilanjutkan di bawah subseksyen 24(3)".*

Berdasarkan tafsiran tersebut, mana – mana tapak ladang ternakan unggas yang diusahakan di atas tanah dengan kategori kegunaannya adalah **Pertanian**, adalah dikekalkan kegunaan tersebut.

Penggunaan terma industri ternakan unggas merujuk kepada aktiviti ekonomi yang berkaitan dengan pengumpulan bahan mentah secara besar – besaran (unggas) bagi tujuan kelangsungan jaminan bekalan makanan negeri. Justeru, pertimbangan ke atas pemajuan ladang ternakan unggas Negeri Kedah hendaklah **berbeza** daripada kehendak – kehendak perancangan lazim bagi maksud memenuhi tuntutan tersebut (peningkatan penawaran dalam pasaran bagi maksud jaminan bekalan makanan), tertakluk kepada pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri.

Garis Panduan Perancangan Ladang Ternakan Unggas Negeri Kedah (2022)

01 PENDAHULUAN

1.1 Keperluan Garis Panduan Perancangan Ladang Ternakan Unggas Negeri Kedah

Penyediaan Garis Panduan Perancangan Ladang Ternakan Unggas Negeri Kedah ini adalah bertujuan untuk mencari **titik keseimbangan** antara **kehendak kawalan perancangan** sebagaimana terkandung dalam Bahagian IV, Akta 172 dan tuntutan **jaminan bekalan makanan** *(food security)* untuk kelangsungan penawaran dalam pasaran semasa.

Ketiadaan garis panduan perancangan sebagai asas rujukan akan menyukarkan Pihak Berkuasa Perancangan Tempatan (PBPT) dalam mempertimbang permohonan pemajuan ladang ternakan unggas, selain faktor ketidakseragaman pemberian syarat – syarat kelulusan antara Pihak Berkuasa Tempatan. Pemakaian syarat kelulusan lazim ke atas pemajuan ladang ternakan unggas juga perlu dikaji semula berdasarkan *template* berasingan disebabkan konsep pemajuan ladang ternakan unggas adalah berbeza daripada pemajuan lazim. Justeru, berikut disenaraikan antara justifikasi dan keperluan kajian ini dilaksanakan :-

a) Membantu Pihak Berkuasa Negeri (PBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), agensi – agensi teknikal, badan – badan berkanun di dalam merancang dan mengawal pemajuan ladang ternakan unggas komersial sama ada di peringkat penyediaan Rancangan Tempatan dan permohonan Kebenaran Merancang sebagai medium kawalan pembangunan;

b) Membantu pihak perunding dan pemain industri di dalam merancang pembangunan ladang ternakan komersial daripada aspek perancangan tapak, merangkumi penyediaan susun atur dan Laporan Cadangan Pemajuan (LCP) untuk kelulusan permohonan Kebenaran Merancang; dan

c) Menentukan piawaian-piawaian perancangan selaras dengan perundangan serta dasar-dasar sedia ada bagi maksud keseragaman syarat dan peraturan *(streamline regulation).*

d) Menjadi pelengkap kepada Garis Panduan Penternakan terbitan Jabatan Perkhidmatan Veterinar yang tidak mengandungi perincian aspek perancangan tapak, terutama melibatkan saiz dan jarak yang khusus.

e) Sebagai mekanisme pemudah cara dalam proses pertimbangan di peringkat permohonan pemajuan bagi memastikan industri ternakan unggas secara komersial, terutama ayam akan terus berkembang atas faktor jaminan bekalan makanan negeri / negara.

PLANMalaysia@Kedah telah bersetuju pada dasarnya untuk menggunakan terma "***Garis Panduan Perancangan Ladang Ternakan Unggas Negeri Kedah***" berdasarkan kepada asas pertimbangan berikut :-

- Penyeragaman terma sebagaimana yang dinyatakan dalam Bahagian 1, Seksyen 2 (Tafsiran), **Enakmen Perladangan Unggas Kedah Darul Aman (2005)** yang merujuk *"Unggas termasuk ayam, itik, angsa, ayam belanda, ayam mutiara, puyuh, merpati, burung unta dan burung emu daripada apa-apa jantina, umur, baka, generasi termasuk juga telur atau kacukannya dan burung – burung lain yang boleh ditentukan oleh Pengarah melalui perintah yang disiarkan dalam Warta"*

- Mengambil kira garis panduan perancangan yang akan disediakan ini bersifat umum, hanya melibatkan aspek perancangan tapak secara makro bagi maksud **kawalan perancangan** selaras dengan Bahagian IV, Akta 172 (Akta Perancangan Bandar dan Desa), melalui medium permohonan Kebenaran Merancang di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan dan urusan pentadbiran tanah di bawah Kanun Tanah Negara (KTN), 1965. Justeru, ia adalah praktikal dan boleh diguna pakai untuk semua kategori unggas merangkumi ayam, itik, puyuh dan ayam piru.

- Mengambil kira faktor garis panduan ini tidak akan menyentuh aspek teknikal reka bentuk, peraturan dan kaedah serta operasi penternakan sebagai mana dokumen Garis Panduan Penternakan sedia ada terbitan Jabatan Perkhidmatan Veterinar. Justeru, perbezaan kriteria teknikal sistem ladang ternakan setiap kategori unggas tidak akan mempengaruhi garis panduan perancangan ini.

- Mengambil kira jumlah ladang dan ternakan unggas lain (itik dan puyuh) di Negeri Kedah yang tidak signifikan berbanding ternakan ayam, terutama ayam pedaging. Justeru, memasukkan kategori unggas lain tersebut tidak mempengaruhi penetapan garis panduan perancangan ini.

- Mengambil kira faktor Garis Panduan Perancangan ini kelak boleh diguna pakai oleh Pihak Berkuasa Negeri untuk pertimbangan permohonan Kebenaran Merancang ke atas pemajuan ladang ternakan unggas selain ayam, termasuk itik, puyuh dan ayam piru kelak.

1.2 Latar Belakang Industri Ternakan Unggas

Industri ternakan unggas, terutama ayam pedaging merupakan sebahagian daripada sektor terpenting dalam cabang agromakanan untuk menjamin kelangsungan dan kelestarian sumber bekalan makanan dalam pasaran negeri / negara. Industri merujuk kepada aktiviti ekonomi yang melibatkan penghasilan barang atau perkhidmatan. Sektor pertanian dan penternakan boleh dikategorikan sebagai *first-tier industry* iaitu industri pengumpulan bahan mentah secara besar - besaran bagi tujuan bekalan makanan, melibatkan pelbagai peringkat rantaian dari ladang sehingga ke meja hidangan. Justeru, industri ini perlu berkembang dengan lebih terancang dan lestari mampan ke arah peningkatan penjanaan pendapatan negeri, peluang – peluang pekerjaan dan yang paling utama jaminan bekalan makanan.

Perkembangan industri ternakan secara komersial melalui peralihan kaedah ternakan daripada sistem terbuka kepada sistem tertutup yang lebih moden dan bersih sekaligus akan meningkatkan produktiviti hasil ternakan, selain persekitaran ladang yang lebih kondusif dan harmoni dengan persekitaran tanpa isu pencemaran yang signifikan terutama pencemaran bau dan kacau ganggu lalat. Peningkatan produktiviti ladang seharusnya berkadar langsung dengan penawaran bekalan daging ayam dalam pasaran dan berupaya memenuhi permintaan yang sentiasa meningkat. Situasi ini akan menyebabkan harga daging ayam sentiasa stabil dan rasional dalam pasaran sekaligus memberi lebih nilai dalam perbelanjaan pengguna akhir.

Justeru, ke arah memperkasa industri ternakan agar ia kekal menyumbang penawaran dalam pasaran, wujud keperluan untuk menyeimbangkan antara tuntutan jaminan bekalan makanan dan kehendak kawalan perancangan bagi maksud pembangunan yang lebih harmoni dan lestari.

1.3 Kepentingan Garis Panduan Perancangan Ladang Ternakan Unggas Negeri Kedah

a) Pihak Berkuasa Negeri

Menjadi penanda aras kepada perkembangan sektor penternakan ke arah prospek pembangunan yang lebih baik sebagai jaminan penawaran bekalan makanan negeri dan negara amnya. Selain itu, ia akan menjadi asas rujukan kepada Pihak Berkuasa Perancangan Tempatan untuk mempertimbang permohonan pemajuan ladang ternakan unggas bagi maksud kawalan perancangan melalui medium Kebenaran Merancang dan penyeragaman peraturan serta kehendak – kehendak perancangan yang khusus untuk pemajuan ladang ternakan unggas.

b) Swasta / Pemain Industri

Sebagai panduan dalam penyediaan cadangan pemajuan bagi memastikan cadangan projek yang hendak dikemukakan adalah mematuhi kehendak – kehendak perancangan sebagai mana yang digariskan dalam dokumen garis panduan perancangan ini, selaras dengan hasrat Pihak Berkuasa Negeri (PBN).

c) Komuniti

Memastikan projek yang dilaksanakan adalah selamat, harmoni dengan guna tanah sekitar dan tidak akan memberi kesan kacau ganggu secara langsung atau tidak langsung kepada persekitaran komuniti setempat.

1.4 Skop Garis Panduan Perancangan

Skop garis panduan perancangan ini adalah berdasarkan parameter – parameter seperti dinyatakan di bawah :-

a) Perancangan Tapak

- Kriteria Lokasi
- Zon Guna Tanah Rancangan Pemajuan
- Zon Penampan
- Fizikal Tapak
- Topografi
- Sistem Saliran dan Perparitan
- Akses dan Jalan Masuk
- Infrastruktur dan Utiliti
- Susun atur Ladang (Ayam) dan Anjakan Bangunan

b) Perundangan dan Peraturan

- Tafsiran Aktiviti Pemajuan Ladang Ternakan Unggas
- Kegunaan dan Syarat Nyata Tanah
- Penetapan Skala Ladang
- Kebenaran Merancang
- Dokumentasi Kebenaran Merancang dan Jabatan yang Dirujuk
- Kadar Fi Kebenaran Merancang
- Peralihan Kepada Sistem Reban Tertutup (Ternakan Ayam Pedaging, Baka dan Penelur)
- Jadual Kelas Guna Tanah

c) Sosial dan Persekitaran

- Pematuhan Enakmen, Peraturan dan Garis Panduan Penternakan
- Kelestarian Alam Sekitar
- Tanggung Jawab Sosial

1.5 Asas Pertimbangan

Garis Panduan Perancangan ini disediakan berdasarkan kepada asas – asas pertimbangan berikut :-

a) Kawal Selia Perancangan dan Pemajuan Ladang Ternakan Unggas oleh Pihak Berkuasa Tempatan

Perkembangan industri ternakan unggas bagi memenuhi kehendak pasaran hendaklah selaras dengan kehendak – kehendak perancangan bagi maksud kawalan perancangan oleh Pihak Berkuasa Tempatan melalui medium Kebenaran Merancang. Ia bertujuan untuk memastikan pemajuan yang hendak dilaksanakan adalah seragam di bawah seliaan Pihak Berkuasa Tempatan, selain menjadi asas kepada perancangan jangka panjang dalam dokumen rancangan pemajuan kelak. **Kehendak perancangan khusus** untuk pemajuan ladang ternakan unggas akan digariskan dalam dokumen ini sebagai mekanisme pemudah cara permohonan pemajuan.

b) Penyeragaman Peraturan dan Kehendak Perancangan

Ketiadaan garis panduan ini mewujudkan ketidakseragaman pemberian syarat – syarat kelulusan antara Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kedah ke atas cadangan pemajuan ladang ternakan unggas. Syarat – syarat kelulusan tipikal, berdasarkan kehendak – kehendak perancangan lazim adalah tidak praktikal ke atas konsep pemajuan ini, sekaligus menyebabkan pengusaha ladang terpaksa menanggung kos tambahan yang tinggi untuk mendapatkan Kebenaran Merancang. Justeru, syarat – syarat kelulusan yang dikenakan perlu dikaji semula melalui **mekanisme pemudahcara** yang akan dinyatakan dalam garis panduan ini.

c) Galakan Kepada Pengusaha Ladang Ternakan Unggas Ke Arah Memperkasa Industri Ternakan Unggas Sebagai Jaminan Bekalan Makanan Negeri

Pendekatan Pihak Berkuasa Tempatan untuk memudahkan prosedur permohonan pemajuan ladang ternakan unggas akan merancakkan industri ternakan unggas di Kedah sekaligus meningkatkan kapasiti ternakan unggas negeri ke arah peningkatan penawaran bekalan daging ayam dalam pasaran.

d) Pemurnian Pemajuan Ladang Ternakan Unggas Tanpa Kebenaran

Pendekatan untuk memurnikan ladang – ladang ternakan unggas yang beroperasi tanpa kebenaran (ladang sedia ada), melalui program pemutihan akan memberi peluang kepada pengusaha ladang untuk bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan bagi maksud tersebut. Inisiatif serta kelonggaran syarat melalui pertimbangan dan budi bicara Pihak Berkuasa Tempatan akan memberi galakan kepada pengusaha ladang ke arah pencapaian program pemutihan yang menyeluruh bagi mencapai tahap pematuhan 100%.

02. SISTEM PERLADANGAN UNGGAS

2.1 Definisi

UNGGAS

"Unggas termasuk ayam, itik, angsa, ayam belanda, ayam mutiara, puyuh, merpati, burung unta dan burung emu daripada apa-apa jantina, umur, baka, generasi termasuk juga telur atau kacukannya dan burung – burung lain yang boleh ditentukan oleh Pengarah melalui perintah yang disiarkan dalam Warta"

Enakmen Perladangan Unggas (Kedah Darul Aman), 2005

LADANG

Merujuk kepada sebuah kawasan yang telah dikenal pasti mempunyai kemudahan bangunan atau sebahagian daripada kemudahan bangunan yang berfungsi untuk menjalankan satu atau lebih daripada aktiviti di bawah :-

- Ladang pembiakan baka; sebuah ladang yang menghasilkan telur bernas atau anak baka untuk pengeluaran baka.
- Ladang baka; sebuah ladang yang menghasilkan telur bernas atau anak baka untuk pengeluaran unggas penelur, unggas pedaging atau anak.
- Ladang pemeliharaan; sebuah ladang menternak ternakan sebelum peringkat matang seperti ladang dara (*pullet* atau *heifer*) atau menternak ternakan sehingga ke peringkat pengeluaran seperti ayam pedaging, ayam penelur, ladang tenusu atau ladang pedaging.

Sumber : Garis Panduan Pelaksanaan Amalan Penternakan Baik Bagi Pensijilan Amalan Ladang Ternakan (SALT)


Dindings Poultry Farms, Batu Undan, Lumut, Perak

2.2 Ekosistem Ladang Unggas (Ayam Pedaging)

Ke arah pemerkasaan industri ternakan unggas, terutama ayam pedaging secara komersial bagi tujuan meningkatkan kualiti dan hasil ternakan, pemajuan ladang ternakan seharusnya mempunyai sebuah ekosistem ladang yang lengkap dan menyeluruh (inklusif). Ia bertujuan untuk mewujudkan persekitaran ladang yang teratur, sistematik, bersih dan selesa bagi mencapai standard amalan penternakan baik. Tatatur ladang yang sistematik dan komprehensif, ditambah dengan kualiti pengurusan ladang yang baik melalui pematuhan undang – undang dan peraturan sedia ada, akan meminimumkan kesan kacau ganggu dan risiko pencemaran kepada kejiranan yang berhampiran.

Antara kemudahan – kemudahan yang perlu ada dalam ekosistem sebuah ladang ternakan yang inklusif adalah seperti berikut :-

- Rumah ternakan (reban)
- Pintu masuk dan pagar keseluruhan tapak ladang ternakan bagi tujuan kawalan haiwan perosak seperti ular, tikus, haiwan peliharaan dan lainnya dari menceroboh masuk.
- Sirkulasi dalaman / jalan dan laluan perimeter
- *Bio-security wheel-dip*
- Pintu *bio-security* pekerja untuk mandi / tukar pakaian
- Bekalan air bersih
- Tangki air (minimum simpanan untuk 3 hari operasi)
- Bekalan elektrik (3 fasa) yang stabil (purata 100A bagi 1 bangunan rumah ayam)
- Set generator sebagai bekalan elektrik alternatif (kecemasan luar jangka).
- Stor bahan makanan ternakan.
- Stor ubatan dan vaksin.
- Stor peralatan dan perkakasan ladang ternakan
- Rumah / bilik pekerja.
- Tempat masak dan makan pekerja.
- Tandas dan bilik air pekerja.
- Kawasan melupuskan ternakan yang sakit dan mati.
- Kawasan memandi ayam yang telah ditangkap
- Kawasan mengumpul dan menanam tinja ternakan (jika perlu).
- Kawasan mengumpul dan membersih air kumbahan dari ladang ternakan.
- Kawasan pelepasan air kumbahan yang telah dirawat / diolah.

2.3 Sistem Reban Ayam (Pedaging)

Amnya, sistem reban atau rumah ternakan ayam terdiri daripada reban tertutup dan reban terbuka. Setiap kategori reban mempunyai ciri – ciri khusus dan kriteria reka bentuk tersendiri bergantung kepada kaedah pengurusan ladang ke arah meningkatkan hasil ternakan yang baik dan berkualiti. Amnya ayam pedaging adalah lebih sesuai dengan persekitaran reban tertutup yang lebih selesa, manakala reban terbuka adalah lebih sesuai dengan ternakan ayam kampong. Setiap reban mempunyai kebaikan dan kelemahan tersendiri, bergantung kepada keperluan ternakan unggas. Bagaimanapun, setiap kelemahan boleh diuruskan dan diminimumkan melalui pendekatan amalan perladangan baik sebagai mana yang digariskan dalam garis panduan penternakan amalan perladangan baik oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

2.3.1 Reban Tertutup

Sistem reban tertutup merujuk kepada reban yang keseluruhan bahagiannya ditutup rapat kecuali pada bahagian pengudaraan (keluar – masuk). Amnya sistem reban tertutup adalah lebih efisien daripada aspek operasi dan pengurusan ladang. Reban tertutup menyediakan persekitaran yang lebih selesa kepada ternakan melalui mekanisme kawalan pengudaraan bagi memastikan tumbesaran ayam adalah optimum. Suhu, lembapan, tahap kandungan gas dan tahap debu mempengaruhi persekitaran dalaman sesebuah reban tertutup. Suhu reban yang selesa bagi ayam adalah antara 20 – 27^{o}C, manakala kelembapan reban yang baik adalah antara 60% – 80%. Tahap kelembapan udara yang tinggi dalam reban akan menyebabkan proses kondensasi berlaku sekaligus menyebabkan sarap lembap, menyediakan persekitaran yang baik untuk kuman hidup membiak dan mendedahkan ayam kepada risiko penyakit terutamanya coccidiosis dan CRD. Kelembapan udara yang rendah pula menyebabkan reban berhabuk, sekaligus menyebabkan ternakan terdedah kepada penyakit yang berkaitan pernafasan. Justeru, persekitaran reban yang baik akan meningkatkan produktiviti ladang secara keseluruhannya.

Sistem reban tertutup mempunyai sistem automatik keseluruhannya termasuk sistem pengudaraan yang membolehkan suhu dalam reban dikawal secara automatik. Perbezaan reban tertutup bergantung kepada jenis sistem pengudaraan yang terdiri daripada jenis seperti berikut :-

- Ventilasi Terowong *(Tunnel Ventilation)*
- Ventilasi Terowong dan Pelembapan Udara (Menggunakan *Cooling Pad* / Pelembap Udara)
- Ventilasi Terowong dan Semburan Air (*mist / fogging* sepanjang bahagian paksi memanjang reban)

A. Komponen Sistem Reban Tertutup

Komponen utama dalam sistem reban tertutup terdiri daripada :-

- Bangunan reban : bangunan bertutup rapat kecuali bahagian lubang udara keluar – masuk.
- Sistem pengudaraan yang terdiri daripada kipas ekzos dan penyejuk udara.
- Bekalan elektrik daripada jenis tiga fasa.
- Generator berfungsi sebagai bekalan elektrik alternatif sekiranya bekalan elektrik tetap terputus (kecemasan luar jangka)

Manakala, komponen sokongan dalam sistem reban tertutup terdiri daripada :-

- Pengesan suhu dan lembapan.
- Kelengkapan sistem amaran. Peranti ini akan berbunyi serta merta sekiranya terdapat mana – mana reban yang mengalami kegagalan fungsi automatik.
- Peralatan makanan dan minuman.
- Lampu yang berfungsi sebagai kemudahan cahaya dalam reban. Kebiasaannya cahaya yang digunakan adalah berwarna hijau atau biru.
- Vaksin *Dispenser* akan memudahkan pemberian vaksin kepada ayam tanpa menggunakan jumlah tenaga kerja yang ramai dan menjimatkan masa.
- Panel sistem kawalan automatik. Panel ini akan dihubungkan dengan sensor bagi membolehkan semua peralatan dalam reban berfungsi secara automatik.

B. Kebaikan dan Kelemahan Sistem Reban Tertutup

Kebaikan :

- Kaedah penternakan yang lebih efisien.
- Pengudaraan dalam reban boleh dikawal.
- Persekitaran reban tertutup adalah selesa kepada ayam.
- Perubahan suhu minimum dan maksimum dalam reban lebih kurang 4°C (24 - 28°C) berbanding sehingga 10°C (25 - >35°C) bagi reban terbuka.
- Ayam kurang mengalami tekanan dan gangguan daripada faktor luar.
- Kadar tumbesaran ayam yang lebih cepat.
- Haiwan perosak seperti burung liar dan tikus yang mempunyai risiko bawaan penyakit kepada ternakan dapat dikawal dengan baik daripada memasuki reban.
- Lebih banyak ayam boleh dipelihara kerana keperluan luas ruang lantai bagi setiap ekor ayam boleh dikurangkan sepertiga berbanding menggunakan reban terbuka.
- Tinja ayam dalam reban tertutup adalah kering, sekaligus mengurangkan gangguan bau tidak enak, busuk dan lalat kepada persekitaran.
- Kos pengeluaran yang lebih cekap.

Kelemahan :

- Kos yang tinggi melibatkan penyediaan prasarana, bayaran balik pinjaman per / ekor ayam, bekalan elektrik, bekalan air, kos operasi dan penyelanggaraan.
- Pengusaha mesti mempunyai pengetahuan mendalam dan komitmen yang lebih tinggi terutama dalam menguruskan dan menyelenggara pengudaraan reban dan peralatan yang digunakan.

Reban Tertutup Jenis Setingkat
Lokasi : Ladang Ayam Pedaging di Mukim Gelong, Jitra, Kedah Darul Aman

2.3.2 Reban Terbuka

Reban terbuka merujuk kepada reban konvensional yang mana fizikal bangunan adalah terbuka tanpa dinding kekal dan kebiasaannya struktur binaannya adalah daripada material kayu. Kaedah pengurusan reban ini adalah manual secara keseluruhannya dengan kadar produktiviti hasil ternakan juga adalah kurang berbanding reban tertutup. Persekitaran ladang dengan reban terbuka kurang kondusif berbanding reban tertutup. Sistem reban secara konvensional ini memerlukan kerja – kerja pengurusan yang lebih disebabkan semua operasi adalah secara manual. Kemudahan yang ada adalah secara asas sahaja.

Reban terbuka mempunyai dinding yang terbuka. Bahan binaan yang digunakan terdiri daripada kayu. Sirkulasi udara pada reban ayam terlalu bebas kerana dinding yang terbuka akan terkena panas matahari, hujan, dan angin. Ternakan terdedah kepada udara bebas dan tidak melindungi ternakan daripada kontak luar. Justeru, ternakan mempunyai risiko terdedah kepada penyakit yang disebabkan oleh bakteria atau virus yang dibawa melalui udara. Bagaimanapun, kos untuk menyediakan prasarana reban terbuka adalah jauh lebih rendah berbanding reban tertutup.

A. Kebaikan dan Kelemahan Sistem Reban Terbuka

Kebaikan :

- Kos bangunan dan prasarana yang jauh lebih rendah berbanding sistem reban tertutup yang kompleks.
- Mudah diselenggara jika dibina dengan ciri – ciri biosekuriti yang tersusun dan praktikal.
- Daging ayam lebih berkualiti dan kurang lemak.
- Ayam yang dipelihara kurang tekanan.

Kelemahan :

- Ternakan ayam terdedah kepada jangkitan penyakit sekiranya kaedah penjagaan kurang rapi dan kaedah kawalan biosekuriti yang lemah.
- Ladang akan menjadi punca kepada gangguan bau yang tidak enak kepada persekitaran dan pembiakan lalat sekiranya amalan perladangan tidak mengikut prosedur dan peraturan penternakan.

Reban Terbuka
Lokasi : Ladang Ayam Pedaging di Mukim Gelong, Jitra, Kedah Darul Aman

03 PRINSIP – PRINSIP PERANCANGAN

1. Lokasi Strategik

Peletakan lokasi ladang ternakan unggas perlu strategik dengan mengambil kira faktor keperluan aktiviti perladangan unggas dan kebarangkalian impak aktiviti dengan guna tanah sekitar. Pemilihan lokasi yang baik dan strategik boleh meningkatkan tahap kecekapan pengurusan ladang dan daya maju sesebuah ladang unggas, selain berharmoni dengan persekitaran.

2. Teratur dan Kondusif

Reka bentuk dan susun atur ladang ternakan unggas yang teratur akan mewujudkan persekitaran ladang yang kondusif selaras dengan amalan baik perladangan, merangkumi perspektif teknikal pada peringkat perancangan, operasi dan keperluan penyelenggaraan mengikut kadar tempoh yang bersesuaian.

3. Had Tampung Praktikal

Ladang unggas yang baik perlu mempertimbang aspek densiti pembangunan yang bersesuaian. Nisbah jumlah reban dan bangunan kemudahan sokongan lain, termasuk kemudahan utiliti dalam tapak ladang hendaklah dengan kadar yang munasabah dengan keluasan tapak bagi maksud kelegaan ruang, selain magnitud impak kepada persekitaran. Densiti reban juga perlu mengambil kira had tampung yang praktikal bagi memastikan kualiti hasil ternakan adalah ditahap baik berdasarkan konsep *"The Better House The Better Chicken"*

4. Pengurusan Inklusif

Pemajuan ladang ternakan unggas perlu inklusif merangkumi aspek perancangan tataletak dan pengurusan ladang yang baik, termasuk kebajikan ternakan melalui konsep amalan perladangan baik. Pengurusan yang inklusif perlu mengambil kira kebajikan haiwan ternakan atas dasar setiap benda hidup *(living being)* perlu dilayan dengan baik. Keperluan makan dan minum serta persekitaran reban harus kondusif bagi memastikan ternakan adalah berkualiti atas prinsip kebajikan sesama makhluk.

5. Mesra Komuniti dan Persekitaran

Perancangan reka bentuk ladang ternakan unggas yang baik perlu mengambil kira aspek tatatur yang inklusif dengan mengambil kira aspek kawalan kualiti alam sekeliling pada peringkat perancangan, pembinaan dan operasi ladang melalui langkah mitigasi yang praktikal dan berkesan. Perancangan dan pematuhan operasi ladang harus ditahap maksimum ke arah '*zero complaint'* oleh kejiranan sekitar.

6. Prosedur Kelulusan Pemajuan yang Mesra Industri Ternakan / Pengusaha

Bagi memastikan aktiviti perladangan unggas dijalankan secara sah dan mematuhi kehendak – kehendak perancangan am bagi maksud kawal selia oleh Pihak Berkuasa Tempatan, pertimbangan permohonan pemajuan hendaklah praktikal dengan konsep pemajuan ladang unggas. Mekanisme pemudahcara ini adalah sebagai galakan kepada industri untuk meminimumkan ladang ternakan tanpa kebenaran dan mencapai tahap pematuhan ladang 100%. Prinsip ini adalah selaras dengan visi dan strategi pembangunan industri ternakan unggas Negeri Kedah ke arah peningkatan hasil ternakan dengan lebih mampan dan berdaya maju.

7. Pematuhan Undang - Undang

Setiap pemajuan fizikal adalah tertakluk kepada pematuhan undang – undang dan peraturan. Penguatkuasaan undang – undang dan peraturan adalah bagi memastikan setiap pemajuan yang hendak dilaksanakan adalah terancang, terkawal, seragam dan selamat kepada manusia dan alam sekeliling serta memberi manfaat dan faedah bersama kepada semua pihak.

04 PERNYATAAN GARIS PANDUAN PERANCANGAN

Garis Panduan Perancangan Ladang Ternakan Unggas Negeri Kedah mentafsirkan pemajuan ladang ternakan unggas termasuk segala aktiviti yang berkaitan dengan perladangan unggas dikategorikan sebagai **aktiviti pertanian dan penternakan** dan **tertakluk kepada Kebenaran Merancang** selaras dengan **Seksyen 19, Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1974 (Akta 172)** yang menyatakan :-

"Tiada seorang pun, selain Pihak Berkuasa Tempatan, boleh memulakan, mengusahakan, atau menjalankan apa-apa pemajuan melainkan jika Kebenaran Merancang berkenaan dengan pemajuan itu telah diberikan kepadanya di bawah seksyen 22 atau dilanjutkan di bawah subseksyen 24(3)".

Berdasarkan tafsiran tersebut, mana – mana tapak ladang ternakan unggas yang diusahakan di atas tanah dengan kategori kegunaannya adalah **Pertanian**, adalah dikekalkan kegunaan tersebut.

Pernyataan garis panduan perancangan ini adalah berdasarkan kepada tiga (3) aspek utama iaitu :-

PERANCANGAN TAPAK		PERUNDANGAN DAN PERATURAN		SOSIAL DAN PERSEKITARAN	
T1	Kriteria Lokasi	U1	Tafsiran Aktiviti Pemajuan Ladang Ternakan Unggas	S1	Pematuhan Enakmen, Peraturan dan Garis Panduan Penternakan
T2	Zon Guna Tanah Rancangan Pemajuan	U2	Kegunaan Tanah dan Syarat Nyata	S2	Kelestarian Alam Sekitar
T3	Zon Penampan	U3	Penetapan Skala Ladang	S3	Tanggung Jawab Sosial
T4	Fizikal Tapak	U4	Kebenaran Merancang		
T5	Topografi	U5	Dokumentasi Kebenaran Merancang dan Jabatan yang Dirujuk		
T6	Sistem Saliran dan Perparitan	U6	Kadar Fi Kebenaran Merancang		
T7	Akses / Jalan Masuk	U7	Peralihan Kepada Sistem Reban Tertutup (Ternakan Ayam Pedaging, Baka dan Penelur)		
T8	Infrastruktur dan Utiliti	U8	Jadual Kelas Guna Tanah		
T9	Susun atur Ladang (Ayam) dan Anjakan Bangunan				

04 PERNYATAAN GARIS PANDUAN PERANCANGAN

4.1 Perancangan Tapak

GP	Aspek / Perkara	Pernyataan Garis Panduan	Justifikasi
T1	**Kriteria Lokasi**	a) Ladang perlu berada dalam kawasan pertanian (di luar zon pembangunan). b) Lokasi ladang (terutama reban terbuka) perlu jauh daripada sistem sungai dan parit dengan jarak > 1km. c) Tapak ladang perlu berada di luar daripada kawasan risiko banjir. d) Lokasi ladang tidak dibenarkan dalam kawasan pertanian padi, terutama kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA). e) Tapak ladang perlu mempunyai sistem saliran dan perparitan yang baik. f) Lokasi tapak perlu mempunyai akses yang baik kepada rangkaian jalan darat, termasuk kesediaan bekalan elektrik dan air. g) Lokasi ladang sebaiknya perlu mengambil kira arah tiupan angin yang lazim *(Prevailing Winds),* untuk meminimumkan punca masalah penyebaran pencemaran bau, dengan kawasan petempatan terdekat, khasnya jika tapak berada di kawasan yang tidak mempunyai penampan bervegetasi *(vegetative buffers).* h) Jarak antara setiap ladang unggas lain hendaklah 500 meter (minimum). i) Tapak ladang perlu berada di luar daripada kawasan yang menjadi tempat persinggahan burung pengembara yang telah dikenal pasti.	• Aspek penentuan lokasi dan pemilihan tapak perlu dirujuk bersama dengan Garis Panduan Penternakan sedia ada terbitan Jabatan Perkhidmatan Veterinar bagi maksud penyelarasan. • Tertakluk kepada keperluan semasa jabatan berkenaan.
T2	**Zon Guna Tanah Rancangan Pemajuan**	a) Pemajuan ladang ternakan unggas hanya dibenarkan dalam zon guna tanah pertanian sahaja. b) Tapak yang hendak dimajukan hendaklah bebas daripada sebarang perancangan guna tanah dan aktiviti selain pertanian dalam tempoh rancangan pemajuan diwartakan / diguna pakai.	• Berdasarkan tafsiran aktiviti ternakan unggas dikategorikan sebagai aktiviti pertanian.

04 PERNYATAAN GARIS PANDUAN PERANCANGAN

4.1 Perancangan Tapak

GP	Aspek / Perkara	Pernyataan Garis Panduan	Justifikasi
T3	**Zon Penampan**	a) Penetapan zon penampan adalah 1 kilometer (minimum) bagi reban terbuka, dan 300 meter bagi jenis reban tertutup. Pengukuran zon penampan adalah dari sempadan lot tapak dengan guna tanah lain. Zon penampan tidak dibenarkan untuk dijalankan apa – apa aktiviti selain pertanian. b) Zon penampan hendaklah dalam kawasan pertanian. b) Penetapan jarak antara ladang ternakan unggas dengan unggas yang lain hendaklah 500 meter (minimum), bagi maksud kawalan penyakit berjangkit ke atas ternakan *(bio – sekuriti)*.	Zon penampan adalah kawasan di sekeliling tapak ladang yang dibenarkan aktiviti di atasnya. Ia merupakan kawasan neutralisasi, dan sebagai langkah mitigasi daripada impak negatif seperti pencemaran yang mungkin berlaku di tapak aktiviti ladang dan sebagainya.

Rajah 1 : Jarak Zon Penampan Ladang Ternakan (Reban Terbuka) dengan Guna Tanah Lain



Rajah 2 : Jarak Zon Penampan Ladang Ternakan (Reban Tertutup) dengan Guna Tanah Lain



04 PERNYATAAN GARIS PANDUAN PERANCANGAN

4.1 Perancangan Tapak

GP	Aspek / Perkara	Pernyataan Garis Panduan	Justifikasi
T4	**Fizikal Tapak**	a) Bentuk tanah tapak ladang hendaklah mempunyai bentuk geometrik yang sesuai untuk menempatkan bangunan reban ayam yang praktikal dan efisien. Bentuk tanah yang disyorkan adalah empat segi memanjang dengan kelebaran yang mencukupi untuk menempatkan tapak reban. b) Bentuk tanah yang sesuai adalah yang boleh menempatkan orientasi reban ayam secara paksi timur – barat bagi meminimumkan bahagian reban yang menerima sinaran matahari, terutama reban terbuka. Bagi reban tertutup ia tidak begitu signifikan.	
T5	**Topografi**	a) Topografi tapak secara keseluruhannya perlu rata untuk meminimumkan kerja tanah bagi mendirikan reban dan bangunan lain, serta meminimumkan kadar larian air permukaan. b) Lantai bangunan reban harus rata supaya keseluruhan bangunan boleh dikawal dengan baik. c) Tanah bercerun tidak digalakkan kerana memerlukan kerja tanah yang ekstensif.	
T6	**Sistem Saliran dan Perparitan**	a) Keseluruhan ladang perlu mempunyai reka bentuk sistem perparitan yang baik bagi tujuan pengaliran air larian permukaan yang efisien dengan mematuhi konsep MSMA. b) Digalakkan sistem perparitan, saliran permukaan secara kerja tanah *(earth drain)* yang membolehkan serapan air secara “in situ” yang berkonsepkan prinsip MSMA. c) Air buangan dari tapak **tidak dibenarkan** disalirkan ke parit tepi jalan.	Perlu mengambil kira aktiviti kerja tanah yang sangat minimum berbanding pembangunan yang lazim seperti perumahan dan sebagainya.

04 PERNYATAAN GARIS PANDUAN PERANCANGAN

4.1 Perancangan Tapak

GP	Aspek / Perkara	Pernyataan Garis Panduan	Justifikasi
T7	**Akses / Jalan Masuk**	a) Tapak ladang perlu mempunyai akses masuk yang sah. Pengusaha perlu mendapatkan Keizinan Bertulis daripada tuan tanah berdaftar sekiranya akses menggunakan lot – lot tanah bukan miliknya. b) Tapak ladang yang berhadapan dengan jalan utama (jalan negeri) perlu menyediakan jarak minimum yang merujuk kepada anjakan bangunan aktiviti ladang dengan jarak ukuran 110 kaki (50’ + 40’ + 20’) dari pertengahan jalan sedia ada. Bagaimanapun, kawasan berkenaan tidak perlu diserah sebagai simpanan jalan, selama mana kegunaan tanah (pertanian) tersebut masih kekal. c) Pemajuan ladang ternakan unggas perlu dipertimbangkan pengecualian kajian TIA dan RSA. d) Bagi tapak ladang yang tidak berhadapan dengan jalan utama, sebaliknya menggunakan simpanan jalan tempatan (jalan kampung) sedia ada, diperlukan menepati keperluan minimum seperti berikut :- • Mempunyai jalan masuk yang sah dengan lebar turapan minimum 7 meter (22 kaki). • Keadaan dan permukaan fizikal jalan harus dalam keadaan baik, dan mampu menampung faktor muatan *(loading factor),* kenderaan yang akan kerap menggunakan jalan berkenaan. • Jika status jalan sedia ada tidak menepati keperluan tersebut, ia hendaklah ditambah baik untuk menampung keperluan kenderan berat. e) Bagi jalan / laluan dalaman, permukaan jalan haruslah diturap dengan turapan yang bersesuaian seperti batu kerikil *(crusher run),* selain mempunyai sistem pengaliran air hujan yang baik untuk mengelak takungan air ketika hujan. Jalan tersebut perlu diselenggara secara berkala oleh pemohon.	

04 PERNYATAAN GARIS PANDUAN PERANCANGAN

4.1 Perancangan Tapak

GP	Aspek / Perkara	Pernyataan Garis Panduan	Justifikasi
T8	**Infrastruktur dan Utiliti**	Pertimbangan keperluan infrastruktur dan utiliti ke atas pemajuan ladang unggas hendaklah berbeza daripada pemajuan lazim. Ia merangkumi keperluan kerja tanah, penyediaan infrastruktur seperti parit, jalan dan utiliti seperti loji pengolahan kumbahan, keperluan tenaga elektrik dan air. **a) Kerja Tanah dan Perparitan** Berdasarkan keperluan GPP Ladang Ternakan Unggas seperti dinyatakan dalam **item T5,** keperluan pembersihan dan aktiviti kerja tanah adalah pada tahap yang minimum. Ia juga tidak memerlukan aktiviti kerja tanah yang ekstensif bagi pembinaan jalan bertar, perparitan dan pengorekkan bagi penyediaan infrastruktur dan utiliti. Kawasan telapan air ladang ternakan unggas adalah luas, walaupun tapak bangunan reban adalah besar (ukuran tipikal yang ideal – 50’ x 400’). Kepadatannya adalah rendah dan tiada keperluan penyediaan sistem perparitan yang ekstensif.	

04 PERNYATAAN GARIS PANDUAN PERANCANGAN

4.1 Perancangan Tapak

GP	Aspek / Perkara	Pernyataan Garis Panduan	Justifikasi
		Garis panduan bagi kerja tanah dan perparitan adalah seperti berikut :- • Pelan – pelan yang berkaitan dengan kerja tanah dan perparitan disyorkan disediakan secara minimum berdasarkan skala projek. Bagaimanapun, ia masih tertakluk kepada kehendak Pihak Berkuasa Tempatan. • Menyediakan pengiraan hidraulik ringkas yang lebih praktikal dan bersesuaian dengan tahap aktiviti perladangan ternakan unggas. • Penyediaan kolam takungkan air masih diperlukan. • Digalakkan penyediaan sistem perparitan, saliran dan kolam takungan air secara setempat *(in situ)* melalui sistem kolam dan parit tanah *(earth drain),* selaras dengan prinsip MSMA. • Pelan Kawalan Hakisan dan Kelodakan (ESCP) bergantung kepada skala kerja tanah yang diperlukan. Aspek ini perlu ditentukan oleh Jurutera Perunding dengan pihak JPS atau Bahagian Kejuruteraan PBT. • Air buangan dari tapak ladang tidak dibenarkan disalirkan ke parit tepi jalan. **b) Sistem Pengolahan Kumbahan** • Pemajuan ladang unggas memerlukan kemudahan pengolahan kumbahan bergantung kepada anggaran Penduduk Setara (PE) yang akan dijana. Penyediaannya perlu mengikut spesifikasi Indah Water Konsortium (IWK) Berhad. • Pemohon digalakkan untuk mengadakan pra – rundingan dengan pihak IWK bagi mendapatkan kelulusan fasiliti berkenaan, sebelum mengemukakan Permohonan Kebenaran Merancang. Efluen yang dilepaskan ke dalam sistem perparitan (sekiranya ada), perlu mematuhi piawaian Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009.	• Ladang ternakan unggas tidak menjana penduduk setara (PE) yang signifikan - anggaran 15 pekerja untuk ladang dengan kapasiti 200,000 ekor ayam. • Bagi penjanaan penduduk setara yang <150 PE, hendaklah menggunakan LPK berskala kecil SSTS (S*mall Sewerage Treatment System).*

04 PERNYATAAN GARIS PANDUAN PERANCANGAN

4.1 Perancangan Tapak

GP	Aspek / Perkara	Pernyataan Garis Panduan	Justifikasi
		c) Bekalan Elektrik • Pemajuan ladang unggas memerlukan bekalan elektrik yang stabil dan berterusan (24 jam). • Pemohon perlu menjalankan libat urus terus (pra – rundingan) dengan pihak TNB sebagai mana prosedur permohonan lazim. • Jarak anjakan 50 meter tapak pencawang elektrik dengan tangki / rumah pam air. • Sekiranya diperlukan motor penjanaan elektrik alternatif (*electric generator – gen set),* keperluan bangunan yang bersesuaian hendaklah disediakan. Keperluan teknikalnya adalah sama dengan penyediaan pencawang elektrik. **d) Bekalan Air** • Ladang ternakan unggas memerlukan bekalan air terutamanya untuk kegunaan ternakan dari sumber bekalan air awam (SADA). • Di kawasan yang tiada bekalan atau sumber bekalan yang tidak stabil, bekalan dari sumber air bawah tanah, melalui teknik pengerudian (boring) boleh diperolehi. Bagaimanapun, kos bagi proses mendapatkannya adalah tinggi. • Bekalan air bersih dan yang telah dinyah klorin untuk kegunaan ayam adalah penting bagi penternakan ayam.	

04 PERNYATAAN GARIS PANDUAN PERANCANGAN

4.1 Perancangan Tapak

GP	Aspek / Perkara	Pernyataan Garis Panduan	Justifikasi
		Garis panduan pembekalan air adalah seperti berikut :- • Ladang ternakan unggas yang perlu mendapat bekalan air awam (SADA), perlu menyediakan satu tapak khas. Kapasiti simpanan air dan saiz tangki simpanan serta rumah pamnya, bergantung kepada keperluan sesuatu ladang, ditentukan oleh perunding jurutera sivil yang terlibat. • Pemohon dianjurkan untuk menjalankan libat urut terus (pra – rundingan) dengan pihak SADA bagi mendapatkan kelulusan dan bekalan, sebelum mengemukakan Permohonan Kebenaran Merancang. • Jarak anjakan 50 meter tapak pencawang elektrik dengan tangki / rumah pam air. • Sekiranya penggunaan sumber air dari bawah tanah diperlukan, Lesen Kawalan Pencemaran Air daripada LSANK diperlukan. Kerja-kerja pemasangan dan keperluan teknikal yang lain ditentukan sendiri oleh pengusaha.	
T9	**Susun atur Ladang (Ayam) dan Anjakan Bangnuan**	a) Susun atur bangunan ladang ternakan unggas, terbahagi kepada **Kawasan Pengeluaran** (ternakan) dan **Bukan Pengeluaran** (kemudahan dan utiliti sokongan), ditentukan sendiri oleh pengusaha ladang. b) Kawasan Pengeluaran dan Bukan Pengeluaran perlu diasingkan secara fizikal, dan dipisahkan dengan pagar dan / atau penanaman pokok-pokok yang bersesuaian. Luas kawasan yang diperlukan ditentukan sendiri oleh pengusaha. c) Jenis struktur dan bahan binaan bangunan juga ditentukan sendiri oleh pengusaha. d) Pagar keselamatan hendaklah disediakan mengikut kesesuaian dan keperluan. e) Pada peringkat permohonan Kebenaran Merancang dikemukakan, bangunan-bangunan sokongan seperti rumah pekerja dan sebagainya perlu disertakan dalam Pelan Susun Atur.	• Susun atur bangunan operasi ladang unggas bergantung kepada jenis unggas, termasuk jenis – jenis ayam (pedaging, baka, penelur dan ayam kampung). • Mengambil kira faktor ruang kelegaan dengan lot berjiran. • Kawalan risiko jangkitan penyakit.

04 PERNYATAAN GARIS PANDUAN PERANCANGAN

4.1 Perancangan Tapak

GP	Aspek / Perkara	Pernyataan Garis Panduan	Justifikasi
		f) Bangunan yang didirikan dalam ladang, termasuk reban dan kemudahan – kemudahan asas lain perlu mengambil kira anjakan bangunan dengan kelebaran 30 kaki (minimum) dari sempadan lot. g) Jarak antara bangunan reban disyorkan 40 kaki (12.192 m – minimum) yang turut berfungsi sebagai sirkulasi dalam tapak. h) Memastikan tiada pokok – pokok besar / bangunan berdekatan dengan reban yang boleh menghalang pengudaraan yang sempurna.	

Rajah 3 : Jarak Antara Bangunan Reban



04 PERNYATAAN GARIS PANDUAN PERANCANGAN

4.2 Perundangan dan Peraturan

GP	Aspek / Perkara	Pernyataan Garis Panduan	Justifikasi
U1	**Tafsiran Aktiviti Pemajuan Ladang Ternakan Unggas**	a) Pemajuan ladang ternakan unggas Negeri Kedah ditafsirkan sebagai pemajuan **pertanian** dan hanya dibenarkan dalam zon pertanian sahaja bagi permohonan baharu selepas garis panduan ini diguna pakai.	• Berdasarkan asas pertimbangan pemajuan adalah berkonsepkan aktiviti perladangan / penternakan yang tidak menjana aktiviti perbandaran lain. • Pemajuan ladang unggas merujuk kepada aktiviti ternakan yang dijalankan dalam ladang, tidak termasuk aktiviti pemprosesan dan penyembelihan.
U2	**Kegunaan Tanah dan Syarat Nyata**	a) Kegunaan tanah bagi pemajuan ladang ternakan unggas adalah **kekal sebagai pertanian** dan tidak melibatkan pindaan kepada syarat nyata tanah.	• Berdasarkan tafsiran pemajuan ladang ternakan unggas adalah dikategorikan sebagai aktiviti pertanian.
U3	**Penetapan Skala Ladang**	a) Penetapan skala ladang adalah berdasarkan kapasiti ternakan. Skala ladang mempengaruhi pertimbangan dokumentasi permohonan Kebenaran Merancang kepada PBT. b) Cadangan skala ladang adalah selaras dengan skala yang diguna pakai oleh JPV Negeri Kedah bagi maksud keseragaman. c) Penetapan skala ladang adalah seperti berikut :- • Skala Kecil (<10,000 ekor); • Skala Sederhana (10,000 - 50,000 ekor); dan • Skala Besar (>50,000 ekor). d) Penentuan skala ladang oleh JPV adalah berdasarkan piawaian 1.2 kaki persegi ruang lantai reban / ekor (piawaian ideal). Bagaimanapun, berdasarkan amalan dan keperluan industri ternakan ayam, piawaian kepadatan reban yang lebih rendah boleh guna pakai bergantung kepada keperluan masing-masing.	• Selaras dengan pemakaian skala ladang ternakan unggas oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah.

04 PERNYATAAN GARIS PANDUAN PERANCANGAN

4.2 Perundangan dan Peraturan

GP	Aspek / Perkara	Pernyataan Garis Panduan	Justifikasi
U4	**Kebenaran Merancang** ***(Rujuk Bersama Lampiran A)***	a) Pemajuan ladang ternakan unggas Negeri Kedah adalah **tertakluk kepada Kebenaran Merancang** selaras dengan Seksyen 19, Akta 172 yang menyatakan *"Tiada seorang pun, selain Pihak Berkuasa Tempatan, boleh memulakan, mengusahakan, atau menjalankan apa-apa pemajuan melainkan jika Kebenaran Merancang berkenaan dengan pemajuan itu telah diberikan kepadanya di bawah seksyen 22 atau dilanjutkan di bawah subseksyen 24(3)"* b) Pemajuan ladang ternakan unggas perlu dipertimbangkan pemberian **Kebenaran Merancang Penuh** berdasarkan *template* senarai semak khusus dengan kehendak – kehendak perancangan (syarat) yang praktikal dengan pemajuan ladang ternakan unggas, selain prosedur yang lebih mudah. Ia adalah sebagai mekanisme pemudahcara oleh PBT sebagai galakan kepada pengusaha ladang unggas untuk meningkatkan kapasiti ternakan. c) Pengemukaan permohonan Kebenaran Merancang adalah melalui Unit Pusat Setempat (OSC), Pihak Berkuasa Tempatan. d) Pemajuan ladang ternakan unggas perlu mengemukakan Pelan Bangunan kepada Pihak Berkuasa Tempatan. Ia hendaklah dikemukakan serentak semasa permohonan Kebenaran Merancang, bagi memudahkan dan mempercepatkan tempoh kelulusan. e) Garis Panduan Perancangan ini memberi kuasa kepada PBT menggunakan budi bicaranya mengecualikan syarat-syarat tertentu GPP ini; semasa memproses dan memberikan kelulusan Kebenaran Merancang, berdasarkan merit dan kepentingan sesuatu ladang ternakan unggas.	• Bagi tujuan kawal selia pembangunan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. • Memastikan pemajuan yang hendak dilaksanakan mematuhi kehendak – kehendak perancangan am. • Memastikan pembangunan yang akan dijalankan berharmoni dengan guna tanah sekitar.

04 PERNYATAAN GARIS PANDUAN PERANCANGAN

4.2 Perundangan dan Peraturan

GP	Aspek / Perkara	Pernyataan Garis Panduan	Justifikasi
U5	**Dokumentasi Permohonan Kebenaran Merancang dan Jabatan Teknikal Yang Dirujuk**	a) Keperluan dokumen pengemukaan permohonan Kebenaran Merancang bagi pemajuan ladang ternakan unggas hendaklah menggunakan *template* senarai semak yang khusus daripada pemajuan lazim (Rujuk **Lampiran A-3**). b) Pemajuan ladang ternakan unggas boleh dipertimbangkan untuk dikecualikan daripada pengemukaan laporan – laporan sokongan termasuk :- • Laporan Penilaian Impak Alam Sekeliling (EIA), • Laporan Penilaian Impak Trafik (TIA), • Laporan Audit Keselamatan Jalan (RSA), • Laporan-laporan lain yang tidak berkaitan dengan keperluan semasa aktiviti ternakan unggas. a) Senarai agensi teknikal yang perlu dirujuk terhad kepada agensi yang berkaitan sahaja seperti Jadual 1 di bawah.	• Berdasarkan asas pertimbangan konsep pemajuan ladang ternakan unggas adalah berbeza berbanding pemajuan lazim, iaitu tidak menjana pertambahan penduduk dan trafik yang signifikan. • Memudahkan proses pengemukaan permohonan KM ladang ternakan unggas. • Mengelakkan pengenaan syarat – syarat kelulusan yang tidak praktikal.

Jadual 1 : Senarai Jabatan Yang Dirujuk

Teknikal Dalaman	Teknikal Luaran	
	Agensi Tetap	Agensi Sokongan
1. Perancangan Bandar 2. Bangunan 3. Kejuruteraan	1. PLANMalaysia@Kedah 2. Pentadbir Tanah Daerah 3. Jabatan Perkhidmatan Veterinar 4. Jabatan Kerja Raya 5. Jabatan Pengairan dan Saliran 6. Jabatan Alam Sekitar	1. Tenaga Nasional Berhad 2. Syarikat Air Darul Aman Berhad 3. Indah Water Konsortium 4. Jabatan Mineral dan Geosains 5. Lembaga Sumber Air Negeri Kedah

Nota :-

- *Senarai Jabatan sebagai Agensi Tetap adalah agensi teknikal sebagai Ahli Tetap di dalam Mesyuarat OSC PBT, dan masih memerlukan pandangan teknikal lain secara am yang tidak bertindih dengan ketetapan di dalam GPP Unggas Kedah ini.*
- *Senarai Jabatan sebagai Agensi Sokongan adalah agensi teknikal yang telah dirujuk pada peringkat Pra – Rundingan bagi mengesahkan kesediaan pembekalan kemudahan infrastruktur dan utiliti ke atas cadangan pemajuan, serta pandangan teknikal yang lain. Lazimnya Agensi ini adalah ahli di dalam Mesyuarat OSC. Kehadiran mereka adalah pilihan (optional). Ulasan Agensi ini pada peringkat Tunai Syarat masih diperlukan.*

04 PERNYATAAN GARIS PANDUAN PERANCANGAN

4.2 Perundangan dan Peraturan

GP	Aspek / Perkara	Pernyataan Garis Panduan	Justifikasi
U6	**Kadar Fi Kebenaran Merancang**	a) Kadar Fi Kebenaran Merancang bagi pemajuan ladang ternakan unggas adalah tertakluk kepada pemajuan **komersial** sebagai mana kadar yang termaktub dalam Jadual Ketiga, Kaedah-kaedah Pengawalan Perancangan (Am) 1995, selaras dengan Seksyen 58(2), Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 (Akta 172).	• Pertimbangan pengenaan kadar komersial mengambil kira faktor aktiviti ternakan unggas adalah sebahagian daripada aktiviti ekonomi yang berorientasikan perniagaan (pengumpulan dan penghasilan bahan mentah).
U7	**Peralihan Kepada Sistem Reban Tertutup (Ternakan Ayam Pedaging, Baka dan Penelur)**	a) Mewajibkan semua **permohonan baharu** pemajuan ternakan ayam (pedaging) perlu mengamalkan kaedah ternakan secara sistem tertutup *(close house),* selepas penguatkuasaan garis panduan ini. b) Pertukaran sistem reban terbuka kepada reban tertutup yang lebih lestari kepada persekitaran hendaklah dalam **tempoh lima (5) tahun** selepas tarikh pembaharuan lesen bagi ladang sedia ada.	• Ke arah peningkatan produktiviti hasil ternakan dengan persekitaran industri ternakan unggas yang lebih mampan dan lestari.
U8	**Jadual Kelas Guna Tanah**	a) Tidak melibatkan pindaan kepada jadual kelas kegunaan tanah di dalam Rancangan Tempatan yang berkuatkuasa.	

04 PERNYATAAN GARIS PANDUAN PERANCANGAN

4.3 Sosial dan Persekitaran

GP	Aspek / Perkara	Pernyataan Garis Panduan	Justifikasi
S1	**Pematuhan Enakmen, Peraturan dan Garis Panduan Penternakan**	a) Pematuhan kepada Peraturan – Peraturan Perladangan Unggas Kedah (2008) dan Garis Panduan Penternakan terbitan Jabatan Perkhidmatan Perkhidmatan Veterinar. b) Industri ternakan yang mampan memerlukan sistem pengurusan melalui Amalan Perladangan Baik (GAHP). c) Industri ternakan digalakkan untuk mendapatkan pensijilan MyGAP.	Rujuk bersama peraturan serta kaedah – kaedah penternakan bagi maksud kawalan risiko pencemaran, persekitaran dan kesihatan awam sebagai mana yang terkandung dalam dokumen – dokumen berikut :- • Peraturan – Peraturan Perladangan Unggas Kedah (2008). • Garis Panduan Pelaksanaan Amalan Penternakan Baik Bagi Pensijilan Skim Amalan Ladang Ternakan (SALT). • Garis Panduan Pengurusan Sisa Buangan Ternakan Ayam. • Panduan Penternakan Ayam Pedaging. • Garis Panduan MyGAP (Sektor Ternakan). Dokumen – dokumen berkenaan telah menggariskan peraturan dan kaedah terperinci ke atas aspek-aspek yang berkenaan.
S2	**Kelestarian Alam Sekitar**	a) Pengusaha ladang ternakan disyorkan untuk mengamalkan Prinsip **Zero FCPD** *(Operation Failure, Public Complaint, No Pollution and Minimal Distruption)* kepada komuniti di sekitar kawasan ladang. b) Menggalakkan pengusaha ladang mengunakan Teknologi Hijau, dan pemberian pengiktirafan 'Green Tag' oleh Pihak Berkuasa Tempatan kepada pengusaha yang beroperasi secara mampan yang dapat menjamin kesejahteraan masyarakat dan kelestarian alam sekitar.	Prinsip **Zero FCPD** *(Operation Failure, Public Complaint, No Pollution and Minimal Distruption),* adalah yang mempunyai prinsip amalan ternakan unggas yang mampu mengelakkan daripada kegagalan operasi, tiada atau rungutan yang minimum daripada masyarakat setempat, tiada atau pencemaran dan gangguan yang minimum kepada kawasan sekeliling.

04 PERNYATAAN GARIS PANDUAN PERANCANGAN

4.3 Sosial dan Persekitaran

GP	Aspek / Perkara	Pernyataan Garis Panduan	Justifikasi
S3	**Tanggung Jawab Sosial**	a) Memasukkan agenda isu dan masalah yang berkaitan dengan ladang unggas pada salah satu daripada Mesyuarat Jawatankuasa Tetap PBT, untuk menangani isu dan masalah yang berbangkit secara berkesan. b) Mewujudkan Mekanisme Pengendalian Rungutan (Grevience) / Aduan Awam di setiap PBT, secara talian dan penggunaan perisian Teknologi Maklumat (IT). c) PBT mengenakan syarat kepada semua pengusaha ladang untuk mengadakan Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) secara berkala dengan pihak berkepentingan dan orang awam.	

LAMPIRAN A - 1

CONTOH LUKISAN SKEMATIK TATATUR LADANG TERNAKAN (AYAM) SECARA SISTEM TERTUTUP

NOTA :

1) *Lukisan ini adalah sebagai **asas panduan** sahaja dalam mereka bentuk tatatur ladang ternakan ayam (pedaging, baka, penelur) berdasarkan garis panduan perancangan ladang ternakan unggas yang terdiri daripada tiga (3) pecahan **asas** iaitu :*
   - *Kawasan Pengeluaran (Reban);*
   - *Kawasan Bukan Pengeluaran; dan*
   - *Garis Anjakan dari Sempadan Jalan Sedia Ada (sekiranya tapak berhadapan jalan utama).*
2) *Perincian tatatur adalah bergantung kepada jenis ternakan, kaedah ternakan, kapasiti ternakan, modal penternak, dan Garis Panduan Penternakan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar.*

KOMPONEN LADANG TERNAKAN AYAM (PEDAGING, PENELUR, BAKA)

- *Rumah ternakan (reban)*
- *Pintu masuk dan pagar keseluruhan tapak ladang ternakan*
- *Sirkulasi dalaman / jalan dan laluan perimeter*
- *Bio-security wheel-dip*
- *Pintu bio-security pekerja untuk mandi / tukar pakaian (ayam baka)*
- *Bekalan air bersih*
- *Tangki air (minimum simpanan untuk 3 hari operasi)*
- *Bekalan elektrik (3 fasa) yang stabil*
- *Set generator sebagai bekalan elektrik alternatif (kecemasan luar jangka).*
- *Stor makanan ternakan.*
- *Stor ubatan dan vaksin.*
- *Stor peralatan dan perkakasan ladang ternakan*
- *Rumah / bilik pekerja.*
- *Kawasan melupuskan ternakan yang sakit dan mati.*
- *Kawasan memandi ayam yang telah ditangkap*
- *Kawasan mengumpul dan menanam tinja ternakan.*
- *Kawasan pelepasan air kumbahan yang telah dirawat / diolah.*
- *Telaga tiub (jika perlu)*

LAMPIRAN A - 2

CARTA ALIR PROSEDUR PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG LADANG TERNAKAN UNGGAS (PERMOHONAN BAHARU)

SENARAI SEMAK

Dokumen Asas

1. Borang Senarai Semak KM (Pemajuan Unggas)
2. Borang A
3. Fi Kebenaran Merancang (kadar komersial)
4. Pelan Tatatur
5. Laporan Cadangan Pemajuan (LCP)*
6. Pelan Ukur Tanah
7. Geran
8. Carian Rasmi
9. Resit Cukai Tanah

Dokumen Sokongan

1. Surat Sokongan Pra Rundingan SADA
2. Surat Sokongan Pra – Rundingan TNB
3. Surat Sokongan Pra – Rundingan IWK (tangki septik)
4. Surat Pengesahan Geologi Tapak oleh JMG
5. Surat Pengesahan Kebenaran Penggunaan Air Bawah Tanah (LSANK) – jika berkaitan

TEKNIKAL LUARAN

Agensi Tetap :

1. PLANMalaysia
2. PTD
3. JPV
4. JKR
5. JPS

Agensi Sokongan :

1. TNB
2. SADA
3. IWK
4. JMG
5. JAS
6. LSANK (jika berkaitan dengan ekstrak air bawah tanah)

TEKNIKAL DALAMAN

1. Perancangan
2. Bangunan
3. Kejuruteraan

LAMPIRAN A - 3

SENARAI SEMAK DOKUMENTASI PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG
Ladang Ternakan Unggas Negeri Kedah (Permohonan Baharu)
(Tertakluk Kepada Pertimbangan Pihak Berkuasa Tempatan)

BIL.	DOKUMEN	KATEGORI PERMOHONAN KM LADANG TERNAKAN UNGGAS		
		KECIL <10,000 ekor	SEDERHANA 10,000 – 50,000 ekor	BESAR >50,000 ekor
DOKUMEN ASAS				
1.	Surat Permohonan Rasmi Perunding	√	√	√
2.	Borang A – KPPA (Kebenaran Merancang)	√	√	√
3.	Pelan Susun Atur (mengikut format pelan)	√	√	√
4.	Resit Bayaran Fi Kebenaran Merancang (termasuk Jadual Kiraan Fi)	√	√	√
5.	Dokumen Daftar Tubuh Syarikat	√	√	√
6.	Salinan Geran	√	√	√
7.	Salinan Carian Rasmi	√	√	√
8.	Resit Cukai Tanah	√	√	√
9.	Perakuan Kebenaran Akses Masuk Tapak (sekiranya laluan masuk hak milik orang lain)	√	√	√
10.	Pelan Ukur Tanah	√	√	√
11.	Laporan Cadangan Pemajuan (LCP)	√	√	√
KEPERLUAN BERASINGAN JABATAN BERKAITAN				
12.	Pelan Jalan dan Parit	X	#	#
13.	Laporan Kiraan Hidrolik	X	#	#
14.	Surat Sokongan Kesediaan Bekalan Air (SADA)	√	√	√
15.	Surat Sokongan Kesediaan Bekalan Elektrik (TNB)	√	√	√
16.	Dokumen pra – rundingan (IWK)	#	#	#
17.	Surat Pengesahan Geologi Tapak (JMG)	#	#	#
18.	Surat Kebenaran Penggunaan Air Bawah Tanah (LSANK) - sekiranya cadangan pemajuan akan menggunakan sumber air bawah tanah	*	*	*

Nota :-
Template Senarai Semak ini hanya sebagai cadangan dan asas panduan sahaja dalam mempertimbang keperluan dokumentasi permohonan KM berdasarkan asas pertimbangan untuk memudahcara prosedur permohonan pemajuan ladang ternakan unggas.

√ Perlu
X Tidak Perlu
Pertimbangan kelonggaran dokumentasi berbanding pemajuan lazim tertakluk kepada pandangan teknikal jurutera perunding dan agensi yang berkaitan.
* Jika Diperlukan

05 PENUTUP

Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Kali Ke 163 (3 / 2022) pada 29 Ogos 2022 telah bersetuju Garis Panduan ini akan digunapakai di seluruh Negeri Kedah dalam merancang, mengawal dan membangunkan ladang ternakan unggas semasa penyediaan pelan pembangunan dan pertimbangan Permohonan Kebenaran Merancang.

Disediakan oleh :

PLANMalaysia@Kedah
(Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Kedah)
Aras 10 & 11, Bangunan Sultan Abdul Halim
Jalan Sultan Badlishah,
05646 Alor Setar
KEDAH DARUL AMAN
Tel : 04-733 1077 / 04-733 2282
Fax : 04-733 2286